

Penterjemahan Eufemisme Al-Qur'an ke Bahasa Melayu: Masalah dan Penyelesaian

Translation of Qur'anic Euphemism into the Malay Language: Problems and Solutions

Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Saad

Akademi Pengajian Bahasa
UiTM Kelantan, 18500 Kelantan, Malaysia
E-mail: luqman701@uitm.edu.my

Zulazhan Ab. Halim**

E-mail: zulazhan@unisza.edu.my

Nurazan Mohmad Rouyan**

E-mail: nurazan@unisza.edu.my

**Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin
21300 Kuala Terengganu, Malaysia

Abstrak

Eufemisme al-Qur'an berfungsi sebagai alat linguistik dan retorik yang mengandungi makna implisit serta figuratif. Oleh yang demikian, ciri-ciri tersebut menjadikan proses terjemahan lebih sukar dan mencabar. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti permasalahan dan penyelesaian dalam penterjemahan eufemisme al-Qur'an ke bahasa Melayu. Gabungan Model Penilaian Penterjemahan Eufemisme al-Qur'an oleh Olimat (2018) dan teori Semantik & Komunikatif oleh Newmark (1981) digunakan untuk menganalisis data kajian secara konstrastif dan deskriptif. Kajian menemukan terdapat karya terjemahan yang menggunakan parentesis sebagai pengeksplisitan makna, namun keterbatasan fungsi leksikal menyebabkan penyampaian maklumat bercanggah dan tidak mencukupi. Selain itu, terdapat penterjemahan yang tidak mematuhi konteks penggunaan istilah dalam bahasa sasaran. Oleh itu, penterjemah perlu memastikan penggunaan pendekatan dan diksi memenuhi kemampuan dan kompetensi pragmatik pembaca sasaran. Secara keseluruhan, penterjemahan eufemisme al-Qur'an ke bahasa Melayu perlu mengambil kira lima aspek, iaitu penyampaian maksud sebenar, kehalusan penggunaan terminologi,

kepatuhan terhadap hukum tatabahasa, keberkesanan pemilihan perkataan dan kesesuaian pengaplikasian pendekatan terjemahan. Dapatan kajian secara amnya mengemukakan input berguna kepada pengkaji terjemahan al-Qur'an dan memberi implikasi pedagogi khususnya kepada penterjemah dalam bidang terjemahan al-Qur'an ke bahasa Melayu.

Kata Kunci: Terjemahan al-Qur'an;
Eufemisme al-Qur'an;
Pendekatan Terjemahan;
Kualiti Penterjemahan

Abstract

Euphemisms in the Qur'an are linguistic and rhetorical tools that contain implicit and figurative meanings. These features make the translation process more difficult and challenging. This study aims to identify the problems and solutions in the translation of Qur'anic euphemisms into the Malay language. Contrastive and descriptive analysis were used to analyse the data, combining Olimat's (2018) Model of Assessment for Translating Qur'anic Euphemisms and Newmark's (1981) Semantic and Communicative Theory. The study found that some translations did not accurately

convey the meaning of the words, even with the use of parentheses for explication, as some translations still fell short of the lexical function of the words, causing discrepancies in communicating the intended meaning. Furthermore, some translations did not comply with the targeted language context of the words. Therefore, translators need to ensure their approach and language choice match the targeted readers' ability and pragmatic competency. Overall, the translation of Qur'anic euphemisms into Malay needs to consider five aspects: delivering the true meaning, subtle use of terminology, adherence to grammar rules, effective word choice, and appropriate translation approaches. This study offers valuable insights to researchers of the Qur'an and provides pedagogical implications particularly in the translation of Qur'anic verses into Malay.


Keywords: *Qur'an Translation; Qur'anic Euphemisms; Translation Approach; Translation Quality*

Pengenalan

Eufemisme merupakan ciri biasa dalam wacana al-Qur'an (al-Qahtani, 2020) dan merujuk kepada struktur kata secara tidak langsung digunakan untuk menggantikan makna terlalu berterus terang daripada

sudut budaya dan bahasa. Menurut Khadra dan Hadjer (2017) sarjana linguistik Arab mendefinisikan eufemisme sebagai menyerlahkan ujaran yang tidak menyenangkan dengan ungkapan yang menyenangkan.

Eufemisme dalam al-Qur'an terbahagi kepada dua jenis, iaitu kesusilaan moral dan kesukaran (al-Omouh, 2011). Jenis pertama terdiri daripada domain seperti bahagian badan, hubungan kelamin, wanita, dan fungsi perkumuhan. Manakala, jenis kedua meliputi domain seperti kemiskinan, kelaparan, kecacatan, penyakit, panik, hari penghakiman, perceraian, kematian dan kekalahan. Olimat (2019) antara sarjana yang memperincikan kategori eufemisme dalam al-Qur'an kepada 17 jenis domain. Menurutnya, domain 'hubungan suami isteri dan 'kematian' menunjukkan jumlah kekerapan tertinggi, iaitu masing-masing sebanyak 243 dan 169. Kedua-dua domain tersebut merupakan domain universal dan mempunyai persamaan dalam konteks bahasa dan budaya masyarakat Melayu. Berikut adalah klasifikasi domain berdasarkan *Corpus of Euphemism in the Qur'an* yang diutarakan oleh Olimat (2019):



Rajah 1: Kategori Eufemisme dalam al-Qur'an

Kepentingan eufemisme dalam bahasa dan terjemahan timbul daripada peranan penting untuk mengelakkan penggunaan makna berunsur tabu dan menyentuh sensitiviti dalam masyarakat. Olimat (2019) menyatakan terdapat sebilangan domain eufemisme dalam al-Qur'an berperanan menangani masalah sensitiviti sosial dan budaya seperti hubungan badan, perceraian, kematian, kecacatan dan perkumuhan. Berdasarkan tradisi dan sejarah, Albarakati (2018) menyatakan dua unsur retorik yang lazim berfungsi sebagai eufemisme, iaitu *kināyah* (*metonymy*) dan *ta'riḍ* (*innuendo*).

Berdasarkan sudut penterjemahan, struktur eufemisme al-Qur'an mencetuskan kesukaran dan permasalahan (Raed, 2022; Olimat, 2019; Albarakati, 2019). Al-Qahtani (2020) menjelaskan jenis kesukaran tersebut antaranya, keperluan membuat keputusan tuntas sama ada meminimumkan keterbatasan makna atau mengabaikan fungsi sebenar eufemisme al-Qur'an. Di samping itu, pemilihan terminologi yang mengandungi kesan atau gaya eufemistik (*euphemistic style*) merupakan antara cabaran (Olimat, 2018) disebabkan penggunaannya melibatkan aspek sosiolinguistik, budaya dan bahasa kemasyarakatan (Nasimah & Lubna, 2019; Haziyah & Muhammad Hadi, 2020). Sejajar dengan kenyataan Taghian (2021) bahawa unsur eufemisme dan disfemisme dapat ditelusuri menerusi pengetahuan silang budaya dan kefahaman terhadap wacana sosiolinguistik sesebuah masyarakat. Selain itu, permasalahan dalam penterjemahan juga berlaku apabila makna asal eufemisme al-Qur'an tidak disampaikan, tatabahasa bahasa sasaran tidak dipatuhi dan kaedah terjemahan yang dipraktikkan tidak sesuai (Olimat, 2018).

Dalam konteks terjemahan al-Qur'an ke bahasa Melayu, isu melibatkan kandungan dalam karya terjemahan masih berlaku walaupun prosedur semakan dan penilaian oleh JAKIM telah disediakan (Muhammad Hadi & Haziyah, 2022). Hal ini

memperlihatkan kesulitan yang dihadapi oleh penterjemah memandangkan al-Qur'an mengandungi makna figuratif, variasi tatabahasa, unsur budaya, ciri linguistik dan ketinggian retorik. Lantaran itu, semakan semula terhadap teks terjemahan al-Qur'an (Nasimah & Lubna, 2019) perlu dilakukan untuk menambah baik aspek kualiti dan ketepatan khususnya melibatkan struktur eufemisme al-Qur'an.

Tuntasnya, kajian yang memfokuskan permasalahan penterjemahan eufemisme al-Qur'an ke bahasa Melayu belum dikaji secara khusus dan mendalam. Menurut Nasimah dan Lubna (2019) bidang kajian ini masih terbatas dan perlu ada kajian susulan untuk meneroka unsur eufemisme dalam karya terjemahan al-Qur'an ke bahasa Melayu. Oleh yang demikian, kajian ini wajar dilakukan dalam skala lebih luas agar wujud sumbangan penting daripada sudut teori dan praktikal seperti penambahbaikan terjemahan serta pengayaan input kepada pengkaji bidang terjemahan. Justeru, kajian ini dijalankan untuk membincangkan permasalahan dan penyelesaian dalam penterjemahan eufemisme al-Qur'an ke bahasa Melayu.

Konsep Eufemisme Dalam al-Qur'an

Eufemisme merupakan ciri biasa yang terdapat dalam wacana al-Qur'an (Al-Qahtani, 2020) dan sarjana linguistik Arab mendefinisikan sebagai menyatakan sesuatu yang tidak menyenangkan dengan ungkapan yang menyenangkan (Khadra & Hadjer, 2017). Istilah *euphemism* dalam bahasa Inggeris menurut Mu'jam al-Mustalahāt al-Lughawiyyāt (1990) merujuk kepada *lutf al-ta'bir*, *tahwīn*, *taltīf al-kalām*, *taltīf*, *kināyah* dan *ta'riḍ*. Kesemua istilah tersebut berfungsi sebagai pelembut kata dan kiasan.

Konsep eufemisme dalam bahasa Arab telah melalui proses perbincangan panjang bermula dengan ahli bahasa Arab silam (*Early Arab linguists*) sehingga ahli bahasa

Arab moden (*Modern Arab Linguists*) yang kebanyakannya dipengaruhi oleh ahli bahasa barat (Ahmed, 2013). Ahli bahasa Arab silam tidak menggunakan istilah tertentu dan khusus untuk melabelkan eufemisme. Namun begitu, terma *kināyah* ialah istilah paling hampir dengan eufemisme (Muzakki, 2022) dan merupakan unsur awal yang digunakan untuk memberi penjelasan mengenai konsep eufemisme. Menurut Ahmed (2013), antara sarjana Arab silam yang mengaitkan eufemisme dengan unsur *kināyah* ialah al-Mubarid (1986), Ibn Fāris (1910) dan al-Jirjani (1908). Penggunaan unsur tersebut juga digunakan dalam

konteks makna yang terdapat dalam al-Qur'an.

Lanjutan daripada itu, ahli bahasa Arab moden telah meluaskan penggunaan istilah eufemisme dan membuka ruang untuk menggunakannya, sesuai dengan arus semasa. Antaranya, al-Khūli (1982) yang menterjemah perkataan *euphemism* ke dalam bahasa Arab sebagai *taltīf al-ʿibārat*. Begitu juga Husamaddin (1985) yang menggunakan istilah *tahsīn al-lafz* merujuk pada perkataan *euphemism* ketika membincangkan perkara ini. Berikut merupakan istilah dan konsep berkaitan penggunaan eufemisme oleh ahli bahasa Arab:

Bil.	Istilah Arab	Maksud
1	<i>kināyah</i>	Metonimi
2	<i>al-talattuf</i>	Kelembutan makna
3	<i>taʿrīd</i>	Kiasan
4	<i>taltīf al-ʿibārat</i>	Pengindahan ekspresi
5	<i>tahsīn al-lafz</i>	Pengindahan lafaz

Rajah 2: Istilah dan Konsep Berkaitan Eufemisme

Konsep Eufemisme Dalam Masyarakat Melayu

Kamus Dewan (2015) mendefinisikan eufemisme sebagai ungkapan yang lebih lembut dan sopan bagi menggantikan ungkapan yang dianggap kasar. Asmah (2008) menyatakan eufemisme merujuk kepada bentuk kiasan yang menggambarkan sesuatu rujukan dengan cara memberi kesan yang baik, iaitu apabila benda yang dirujuk mengandungi makna yang buruk dan kasar. Dalam masyarakat Melayu, eufemisme digunakan untuk menjaga perasaan dan air muka (Asmah, 2002).

Konsep eufemisme dalam konteks masyarakat Melayu berkait dengan kesantunan. Menurut Asmah (2002), asas kesantunan tercapai apabila pengguna

bahasa mematuhi tiga jenis peraturan, iaitu linguistik, sosiolinguistik dan pragmatik. Peraturan linguistik berkaitan dengan peraturan penggunaan bahasa yang menitikberatkan ketepatan bentuk dan binaan bahasa. Seterusnya peraturan sosiolinguistik pula berkaitan dengan penggunaan bahasa yang menitikberatkan hubungan sosial. Manakala, peraturan pragmatik berkaitan dengan penggunaan bahasa yang sopan dan berkesan.

Kesimpulannya, bahasa eufemisme merujuk kepada bentuk bahasa bercirikan kesantunan yang menjadi asas kepada keharmonian sesebuah masyarakat. Menurut Wardhaugh (1986), perkara ini berlaku apabila masyarakat mencantikkan sesuatu yang dianggap kasar dengan tujuan menjadikannya lebih sopan, manis dan halus mengikut ukuran sesuatu masyarakat.

Dengan kata lain, penggunaan eufemisme dapat mencerminkan nilai kesantunan selaras dengan masyarakat Melayu yang mementingkan budi bahasa.

Penterjemahan Eufemisme al-Qur'an

Konteks merupakan tunjang kepada penghasilan makna sebenar (Mohamad Sobirin & Mohd Rosmizi, 2022) khususnya dalam penterjemahan al-Qur'an. Menurut Warren (1992) konteks memainkan peranan signifikan untuk menjelaskan tafsiran sesebuah eufemisme disebabkan kandungan maknanya yang samar. Konteks merujuk kepada situasi tertentu atau ekstralinguistik yang terdapat dalam teks dan membantu bagi menjelaskan maksud sebenar (Olimat, 2018). Lantaran itu, kebergantungan pada tautan kontekstual dan hubungan intratekstualiti antara ayat serta surah membolehkan tafsiran sebenar dikenal pasti. Hal ini penting untuk mengelakkan permasalahan daripada sudut penghasilan makna di luar konteks.

Menurut Olimat (2018), penterjemahan eufemisme al-Qur'an perlu dilakukan dengan meneliti aspek makna merangkumi makna *mufassir*, makna leksikal dan makna tekstual untuk memastikan penyampaian tidak menyimpang. Makna *mufassir* ialah makna yang diperoleh daripada kitab-kitab tafsir al-Qur'an bertujuan mengkaji dan meneliti konteks ayat. Makna leksikal pula merujuk kepada makna yang terdapat pada kamus dengan tujuan memeriksa makna denotasi eufemisme al-Qur'an. Manakala, makna tekstual merupakan hubungan makna eufemisme al-Qur'an secara intratekstualiti dan kontekstual antara ayat. Olimat (2019) menegaskan bahawa intratekstualiti dan kontekstual memainkan peranan penting untuk mendapatkan penjelasan mengenai tujuan dan fungsi eufemisme al-Qur'an.

Menurut aspek pendekatan terjemahan, pelbagai kaedah dan prosedur digunakan untuk menangani permasalahan disebabkan

faktor figuratif dan makna konotatif yang terdapat pada struktur eufemisme al-Qur'an. Antaranya, pendekatan linguistik dan budaya (Mohammad Qasem & Asma Mohammad, 2013). Pendekatan linguistik diaplikasi menggunakan padanan atau istilah paling hampir apabila padanan leksikal sebenar tidak wujud. Manakala, pendekatan budaya dipraktikkan dengan menghasilkan padanan yang mempunyai persamaan daripada segi budaya dengan mengelakkan terjemahan secara harfiah.

Muhammad Luqman Ibnul Hakim dan Zulazhan (2021) antara sarjana yang mengkaji penterjemahan eufemisme al-Qur'an dalam karya terjemahan bahasa Melayu. Kajian tersebut menerapkan Teknik Terjemahan Intervensi oleh Darwish (2010) dan hasil kajian menunjukkan kebanyakan penterjemah mengaplikasi teknik pinjaman, pengembangan dan peluasan dalam penterjemahan. Namun demikian, antara prosedur yang berhasil menyampaikan maksud sebenar ialah teknik apositif, teknik gantian modulasi dan teknik eksplisitasi secara nota kaki.

Dalam kajian berasingan, Muhammad Luqman Ibnul Hakim et al. (2022) menggunakan pendekatan Semantik dan Komunikatif oleh Newmark (1981) untuk menganalisis penterjemahan eufemisme al-Qur'an ke bahasa Melayu. Menurutnya, konsistensi dan kesesuaian pengaplikasian pendekatan terjemahan merupakan tunjang bagi menghasilkan karya yang berkualiti. Selain itu, kajian tersebut merumuskan pendekatan Semantik dan Komunikatif Newmark (1981) adalah sesuai untuk diterap dalam penterjemahan. Bertepatan dengan kenyataan Newmark (1981) bahawa matlamat utama penterjemahan, iaitu ketepatan dan ekonomi hanya berkisar kepada terjemahan semantik ataupun komunikatif.

Kesimpulannya, pendekatan yang diterapkan perlu selari dengan tujuan utama

terjemahan al-Qur'an, iaitu menyampaikan mesej Allah SWT. Jika sesuatu perkataan ketiadaan padanan, el-Hadary (2008) melalui penulisan Badrul Hisyam (2018) mencadangkan supaya penterjemah memanipulasi teknik dengan menyesuaikan struktur tatabahasa dan leksikal bahasa sumber dalam bahasa sasaran, mengelakkan kaedah parafrasa secara bebas dan menyesuaikan unsur stilistik serta budaya selagi mana tidak mengubah makna teks al-Qur'an. Tambahan daripada itu, pendekatan transliterasi tidak memberikan manfaat kepada khalayak pembaca (al-Jawādi, 2008) dan pendekatan terjemahan literal secara umumnya tidak sesuai kerana menyebabkan berlaku kehilangan makna (Abdelaal & Sabariah 2015).

Metodologi Kajian

Kajian kualitatif ini berorientasi analisis kandungan yang dijalankan secara perbandingan. Bagi merealisasikan proses semakan dan pengumpulan data, pengkaji memanfaatkan pangkalan korpus, iaitu *Corpus of Euphemism in the Qur'an* oleh Olimat (2018). Sebanyak 7 sampel kajian bercirikan domain hubungan badan dipilih bertunjangan kepada rasional yang benar-benar mencerminkan permasalahan dalam penterjemahan eufemisme al-Qur'an ke bahasa Melayu. Justifikasi pemilihan domain tersebut berdasarkan faktor kerelevanan untuk mengkaji topik sensitif dan universal yang terdapat dalam teks al-Qur'an. Mengikut sudut pengukuran ketepatan terjemahan makna al-Qur'an, pengkaji merujuk kitab tafsir muktabar. Dalam kajian ini, dua buah karya


terjemahan al-Qur'an dijadikan bahan kajian, iaitu:

Al-Qur'an Terjemahan Bahasa Melayu terbitan Masar Enterprise, Pustaka al-Ehsan, 2018.

Al-Qur'an al-Karim & Terjemahan terbitan Telaga Biru Sdn Bhd, 2019.

Pemilihan karya-karya terjemahan ini dibuat berdasarkan justifikasi, antaranya menyatakan metodologi terjemahan dan melepasi standard piawaian. Selain itu, faktor sambutan di kalangan pembaca turut diambil kira. Berbeza dengan karya terjemahan lain, karya ini dilihat menjelaskan pendekatan penterjemahan, mengaplikasi pelbagai teknik dan prosedur dalam penyampaian makna serta menyertakan sumber rujukan penterjemahan al-Qur'an. Dalam kajian ini, terjemahan daripada penerbit Pustaka Ehsan ditanda dengan PE 2018. Manakala, terjemahan daripada penerbit Telaga Biru ditanda TB 2019.

Berdasarkan sudut penganalisisan kajian, pengkaji memanfaatkan Model Penilaian Penterjemahan Eufemisme al-Qur'an oleh Olimat (2018) dan Pendekatan Semantik & Komunikatif Newmark (1981). Model tersebut dikenali sebagai Model Linguistik yang diketengahkan untuk melakukan penilaian kritis terhadap penterjemahan eufemisme al-Qur'an. Secara asasnya, model tersebut terbahagi kepada dua teras, iaitu penelitian makna eufemisme dalam al-Qur'an dan penghasilan terjemahan dalam karya terjemahan. Aspek penelitian makna dan penghasilan terjemahan dijelaskan seperti berikut:




Rajah 3: Aspek Penelitian Makna dan Penghasilan Terjemahan (Sumber: Olimat, 2018)

Manakala, pendekatan semantik dan komunikatif Newmark (1981) digunakan bersama prosedur terjemahan Newmark (1988) untuk memperinci unit-unit leksikal dan padanan yang diterapkan dalam penterjemahan. Justifikasi pemilihan teori ini berdasarkan kesesuaian dan kebolehgunaannya dalam kajian kontrastif sebagaimana dinyatakan oleh Liu (2017) bahawa teori terjemahan Newmark adalah

berdasarkan linguistik perbandingan yang memberi panduan berkesan dan saintifik.

Berikut merupakan prosedur yang dilakukan dalam kajian ini hasil pengadaptasian Model Penilaian Penterjemahan Eufemisme al-Qur'an oleh Olimat (2018) dan Pendekatan Semantik & Komunikatif oleh Newmark (1981)



Rajah 4: Prosedur Penganalisan Kajian

Dapatan dan Perbincangan

Bagi memulakan perbincangan, rumusan makna eufemisme al-Qur'an dibentangkan dan penghasilan terjemahan dalam dua buah karya terjemahan kemudiannya dibanding dan dibahas. Seterusnya, aspek melibatkan pendekatan terjemahan, penyampaian makna, pemilihan terminologi dan peraturan tatabahasa dibuat

penilaian. Sehubungan itu, cadangan penambahbaikan dan justifikasi turut dikemukakan mengikut kesesuaian.

(1) Terjemahan eufemisme *wattaba'u al-syahawāt* (dalam Q. 19: 59)

Penterjemahan dalam bahasa sasaran:

PE 2018: *Kemudian datanglah setelah*

mereka, pengganti yang mengabaikan solat dan mengikuti keinginannya, maka mereka kelak akan tersesat.

TB 2019: *Kemudian mereka digantikan oleh keturunan-keturunan yang tidak mengerjakan solat serta mengikut hawa nafsu, maka mereka akan menghadapi azab (dalam neraka).*

Perkataan *syahawāt* didefinisikan sebagai keinginan yang tinggi, nafsu dan benda yang diinginkan (Kamus Besar Arab Melayu Dewan, 2006). Eufemisme *wattaba'u al-syahawāt* secara denotasi bermaksud “mengikuti keinginan” atau “menurut nafsu”. Kamus Dewan (2010) mendefinisikan kata “keinginan” sebagai “apa-apa yang diinginkan atau diinginkan”. Berdasarkan kontekstual, ayat tersebut menyatakan kebanyakan manusia yang datang setelah wafatnya para nabi dan rasul menyimpang daripada ajaran yang benar dengan melalaikan solat dan sentiasa menuruti nafsu dengan melakukan keseronokan dan kemaksiatan (al-Qurtūbī, 2003; Ibn Kathīr, 2000). Al-Baidhāwi (2003) dan al-Zamakhsharī (1995) memperinci makna menyimpang, iaitu meminum arak, menghalalkan pernikahan saudara perempuan daripada bapa, meninggalkan solat fardu dan leka pada kemaksiatan.

Aspek penghasilan terjemahan seperti jadual 1 menunjukkan TB 2019 menambah leksikal “hawa” melalui kolokasi “hawa nafsu” bagi menzahirkan makna dominan kata *syahawāt* menerusi prosedur pengembangan (*expansion*). Perkataan “hawa” merujuk kepada nafsu keinginan yang kuat untuk melakukan sesuatu (Kamus dewan, 2010). Begitu juga kata “nafsu” yang bermaksud keinginan, hawa atau kehendak hati yang kuat untuk melakukan sesuatu yang kurang baik (ibid). Perbandingan antara kedua-dua makna ini menunjukkan wujud makna sinonim antara kata hawa dan nafsu. Menurut Darwish (2010) perulangan perkataan sinonim tanpa

pertambahan kejelasan makna perlu dielakkan untuk menangani implikasi kelewahan (*redundancy*). Namun demikian, dalam konteks sistem tatabahasa bahasa Melayu, kolokasi hawa nafsu diterima dan boleh dipraktikkan (Kamus dewan, 2010) untuk memperkuat pemahaman (Newmark, 1988).

Tuntasnya, padanan terjemahan “mengikuti hawa nafsu” oleh TB 2019 menepati laras bahasa sumber dan menghasilkan impak terjemahan yang difahami selaras dengan konteks budaya masyarakat Melayu. Sebaliknya, padanan terjemahan yang dikemukakan oleh PE 2018 menerusi pendekatan semantik mempengaruhi parameter makna kontekstual. Hal ini kerana, pemilihan padanan “mengikuti keinginannya” menyebabkan penyampaian kurang gramatis dan berpotensi mengelirukan kefahaman serta menimbulkan persoalan seperti, Apakah keinginan yang dimaksudkan atau diikuti tersebut?.

Sebagai penambahbaikan, terjemahan yang dipraktikkan oleh TB 2019 boleh dibuat penyesuaian agar lebih relevan dengan konteks. Oleh itu, pengkaji mencadangkan terjemahan seperti, “*Kemudian datanglah sesudah mereka keturunan-keturunan yang mengabaikan solat dan menurut hawa nafsu (dengan melakukan maksiat); maka mereka bakal menghadapi azab (di dalam neraka)*”. Penyisipan frasa “melakukan maksiat” secara tidak langsung merangkum perbuatan berdosa dan melanggar perintah Allah SWT (Kamus Dewan, 2010).

(2) Terjemahan eufemisme *kuntum takhtānūna ‘anfusakum* (dalam Q. 2: 187)

Penterjemahan dalam bahasa sasaran:

PE 2018: *Allah mengetahui bahawa kamu tidak dapat menahan dirimu sendiri, tetapi Dia menerima taubatmu dan memaafkanmu.*

TB 2019: *Allah mengetahui bahawasanya kamu pernah mengkhianati diri sendiri, lalu Dia menerima taubat kamu dan memaafkan kamu.*

Ibn ʿĀshūr (1984) meriwayatkan apabila tiba puasa Ramadhan, kaum lelaki tidak mendekati perempuan sepanjang bulan itu dan akan mengkhianati diri sendiri. Menurut al-Baghawī (1993), maksud mengkhianati ialah melakukan hubungan kelamin dengan isteri selepas Isya'. Al-Ṭabarī (2000) pula meriwayatkan terdapat dua pandangan, iaitu mencampuri isteri dan makan serta minum pada waktu diharamkan. Dari sudut leksikal pula menyatakan, kata *takhtānūna* bermaksud “kamu mengkhianati/menipu” (Kamus Besar Arab Melayu Dewan, 2006; Fayrūzābādī, 1997). Manakala kata *al-nafs* bermaksud kehendak, nafsu dan diri seseorang (Kamus Besar Arab Melayu Dewan, 2006).

Secara kontekstual, eufemisme tersebut mengisahkan tentang sahabat Nabi SAW yang berpuasa pada siang hari dan mencampuri isteri pada waktu malam, walaupun amalan pada waktu itu tidak dibenarkan melakukan persetubuhan (Ibn Kathīr, 2000). Oleh sebab tidak berupaya menahan nafsu, maka kaum lelaki (mengkhianati hukum pada masa itu) dengan mendatangi isteri. Setelah itu, turunlah ayat (Q. 2: 187) yang mengharuskan hukum mencampuri isteri pada malam puasa (al-Baghawī, 1993). Kemudian Allah SWT mengampuni kesalahan mereka atas perbuatan tersebut dan menerima taubat mereka (al-Baidhāwi, 2003). Pengharusan hukum menyetubuhi isteri dapat ditelusuri secara kontekstual pada frasa *fa al-ʿāna bāsyirūhunna* (Q. 2: 187). Ringkasnya, rangkuman makna eufemisme tersebut pada asasnya membicarakan asbab tidak dapat menahan nafsu syahwat dan mengakibatkan berlakunya perbuatan mencampuri isteri.

Melihat daripada sudut penghasilan

terjemahan, PE 2018 mengeksplisitkan makna “mengkhianati” melalui pendekatan komunikatif secara modulasi dengan padanan “kamu tidak dapat menahan dirimu sendiri”. Manakala, TB 2019 mengekalkan laras bahasa sumber dengan padanan “mengkhianati diri sendiri” menerusi pendekatan semantik. Pengekalan laras ini dilakukan untuk memelihara unsur yang terkandung pada bahasa sumber. Namun demikian, daripada aspek pemilihan perkataan, kata “mengkhianati diri” secara denotasi membawa maksud “berbuat khianat kepada (diri)” dan “mencelakakan (diri)” (Kamus Dewan, 2010). Berbeza dengan padanan “menahan dirimu” yang membawa maksud “menahan nafsumu” (Kamus Besar Arab Melayu Dewan, 2006).

Natijahnya, padanan terjemahan yang dipraktikkan oleh PE 2018 berupaya menjelaskan makna implisit eufemisme al-Qur’an selaras dengan konteks linguistik dan kompetensi pragmatik pembaca sasaran. Sebaliknya, terjemahan semantik yang dikemukakan oleh TB 2019 mengaburkan unsur prosodi eufemisme al-Qur’an (Raed, 2022) dan mengorbankan fungsi unsur leksikal al-Qur’an (Olimat, 2018). Implikasinya, menyebabkan kehilangan mesej sebenar al-Qur’an (Nasimah, 2019) dan membataskan kefahaman pembaca sasaran. Sebagai penambahbaikan, pendekatan komunikatif secara peluasan boleh diterapkan bagi menghasilkan impak terjemahan yang lebih menepati konteks dan difahami seperti, “Allah mengetahui bahawasanya kamu tidak dapat menahan nafsumu (untuk mencampuri isteri)”.

(3) Terjemahan eufemisme *rafath* (dalam Q. 2: 197)

Penterjemahan dalam bahasa sasaran:

PE 2018: *Barangsiapa mengerjakan (ibadah) haji dalam (bulan-bulan) itu, maka janganlah dia berkata lucah (rafas*),*

berbuat maksiat dan bertengkar dalam (melakukan ibadah) haji.

**lucah (rafas) ertinya mengeluarkan perkataan yang menimbulkan berahi, perbuatan yang tidak senonoh atau hubungan seksual.*

TB 2019: *Oleh yang demikian sesiapa yang telah mewajibkan dirinya dengan niat mengerjakan ibadat haji itu, maka janganlah bersetubuh, jangan membuat maksiat dan jangan bertengkar dalam masa mengerjakan ibadat haji.*

Eufemisme *rafath* secara denotasi bermaksud mengungkap ucapan menggoda bertujuan mengajak melakukan persetubuhan atau perkara yang berkaitan dengannya (Ibn Fāris, 1999). Al-Qurtubi (2003) dan Ibn Kathīr (2000) menyatakan eufemisme tersebut merangkumi maksud dominan, iaitu mencampuri isteri. Manakala, al-Baidhāwi (2003) mentafsirkannya sebagai melakukan hubungan kelamin dan mengungkap percakapan ghairah. Ibn ʿAbbās pula meriwayatkan bahawa ia mengandungi makna kecenderungan perasaan intim dengan perempuan, mencium, mengenyit mata dan mengeluarkan perkataan berahi (al-Baghawī, 1993; al-Khāzin; 2004; al-Suyūti, 2011). Di samping itu, terdapat juga riwayat daripada Ibn ʿAbbās bahawa eufemisme *rafath* pada ayat ini mengandungi makna *al-taʿarīd* dan tidak sama seperti mana disebutkan dalam (Q. 2: 187) yang bererti mencampuri isteri (al-Baidhāwi, 2003). Berdasarkan sudut konteks, eufemisme *rafath* merupakan antara larangan yang ditetapkan oleh Allah SWT semasa mengerjakan ibadat Haji.

Berdasarkan aspek penghasilan terjemahan, padanan “dia berkata lucah” disusuli dengan prosedur kuplet, iaitu gabungan prosedur pemindahan “(rafas)” dan penambahan menerusi teknik nota kaki oleh PE 2018 menghasilkan terjemahan yang memelihara laras bahasa sumber dan

menepati pandangan *mufassir*. Namun demikian, pemilihan terminologi melibatkan aspek sosiolinguistik dan budaya (Nasimah & Lubna, 2019) seperti leksikal “lucah” dilihat tidak menepati unsur eufemisme dan menzahirkan ketidaksantunan wacana. Hal ini kerana, perkataan tersebut menyentuh aspek moral (Melor Fauzita et al., 2017) dan berunsur tabu (Fadzil & Abdul Sukur, 2020). Di samping itu, frasa “hubungan seksual” juga menonjolkan konotasi tabu (Muhammad Zaid et al., 2018) dianggap kasar (Noor Hatini & Siti Saniah, 2011) dan terlalu berterus terang dalam konteks masyarakat Melayu.

Justeru, bagi menghasilkan terjemahan lebih semulajadi, prosedur modulasi oleh TB 2019 yang mengetengahkan makna dominan menggunakan padanan “bersetubuh” boleh dipraktikkan. Menurut Ainon & Abdullah (2008), terminologi “bersetubuh” berunsur halus dalam berbahasa dan mengetengahkan kesantunan. Walau bagaimanapun, ekoran daripada perkembangan bahasa dan budaya, kata “bersetubuh” masih boleh dihaluskan menggunakan padanan “mencampuri” atau “mempergauli” untuk memperlihatkan unsur eufemisme.

Menurut sudut yang lain, perulangan terjemahan perkataan “jangan” daripada struktur *lā nāfiyat li al-jins* pada (Q.2: 197) yang dikemukakan oleh TB 2019 masih boleh diringkaskan dengan menjadikan ayat majmuk gabungan. Menurut Nik Safiah et al. (2010), ayat majmuk gabungan terdiri daripada dua ayat atau lebih yang dijadikan satu dengan cara mencantumkan ayat-ayat tersebut dengan kata hubung. Sehubungan itu, pengkaji mencadangkan agar penterjemahan ditambah baik seperti, “*Oleh yang demikian, sesiapa yang telah mewajibkan dirinya (dengan niat mengerjakan) ibadat haji itu, maka janganlah mencampuri isteri (bersetubuh), membuat maksiat dan bertengkar dalam masa mengerjakan ibadat haji.*”

(4) Terjemahan eufemisme *yatarabbaşna bi'anfusihinna* (dalam Q. 2: 228)

Penterjemahan dalam bahasa sasaran:

PE 2018: *Dan para isteri yang diceraikan (wajib) menahan diri mereka (menunggu) tiga kali quru'**

**Bererti suci atau haid.*

TB 2019: *Dan isteri-isteri yang diceraikan itu hendaklah menunggu dengan menahan diri mereka (daripada berkahwin) selama tiga kali suci (daripada haid).*

Secara leksikal, kata *tarabbaş* bermaksud menunggu peluang, menunggu tempoh habis haid untuk membolehkan berkahwin dengan lelaki lain dan menunggu kebaikan atau keburukan (Kamus Besar Arab Melayu Dewan, 2016). Secara kontekstual, eufemisme *yatarabbaşna bi'anfusihinna* menjurus kepada maksud menunggu daripada berkahwin (al-Ṭabarī, 2000; al-Baghawī, 1993; al-Khāzin 2004; Ibn Kathīr, 2000) oleh isteri yang diceraikan suaminya sehingga selesai tempoh tiga kali Quru'.

Menurut al-Baghawī (1993), para ulama berselisih pendapat tentang istilah Quru' dengan menyatakan ia adalah haid sebagaimana nukilan Ibn ʿAbbās, al-Hasan dan Mujāhid. Manakala, sebahagian lagi seperti Zaid bin Tsābit, Qatādah, Imam Syāfie dan Imam Mālik berpendapat istilah tersebut merujuk kepada suci (Ibn Kathīr, 2000). Walau bagaimanapun, khilaf tersebut diterima kerana terdapat sandaran hukum tentangnya dan boleh diterjemahkan kepada dua perkataan sama ada suci atau haid.

Aspek penghasilan terjemahan menunjukkan kedua-dua karya menerapkan prosedur peluasan bagi menyokong terjemahan makna “menahan diri mereka”. Walau bagaimanapun, faktor pemilihan perkataan dilihat membezakan kualiti dan

ketepatan penyampaian mesej al-Qur'an. Berdasarkan perbandingan, TB 2019 menambah informasi “daripada berkahwin” bagi melengkapkan makna kata kerja “menahan diri”. Penyesuaian prosedur dan padanan yang dilakukan memperlihatkan hasil terjemahan lebih menyeluruh dan mematuhi aspek diksi selaras dengan konteks linguistik. Hal ini bertepatan dengan kenyataan Olimat (2018) bahawa terjemahan eufemisme al-Qur'an perlu dilakukan dengan mematuhi struktur bahasa sasaran melalui pemilihan perkataan yang mencapai kefahaman.

Namun demikian, padanan “menunggu” yang dipraktikkan oleh PE 2018 menerusi prosedur peluasan menggunakan parentesis dilihat membataskan fungsi leksikal dan penyampaian makna. Berdasarkan tatabahasa bahasa Melayu, kata kerja transitif tersebut memerlukan objek dalam bentuk kata nama atau frasa nama (Nik Safiah et al., 2010) untuk mengelakkan ayat tidak gramatis (Ismail Dahaman, 2016). Lantaran itu, pengeksplisitan kata kerja “menunggu” disusuli dengan frasa pelengkap “tiga kali Quru'” menyebabkan risiko kehilangan makna “berkahwin” dengan menimbulkan tanggapan seperti, “*isteri yang diceraikan itu hendaklah menunggu tiga kali suci*”. Hakikatnya, eufemisme *yatarabbaşna bi'anfusihinna* merujuk kepada maksud menunggu daripada berkahwin selama tiga kali Quru'/suci sebagaimana dijelaskan oleh pentafsir muktabar. Justeru, pemilihan padanan perlu diamati impaknya terhadap khalayak pembaca (Badrul Hisyam, 2018), mematuhi corak sintaksis bahasa sasaran (Olimat, 2018) dan menyampaikan maklumat yang mencukupi.

(5) Terjemahan eufemisme *wahjurūhunna* (dalam Q. 4: 34)

Penterjemahan dalam bahasa sasaran:

PE 2018: *Perempuan-perempuan yang kamu bimbang akan nusyuz*, hendaklah*

kamu beri nasihat kepada mereka, tinggalkanlah mereka di tempat tidur (pisah ranjang), dan (kalau perlu) pukullah mereka.

TB 2019: *Wanita yang kamu bimbang akan nusyuz*, hendaklah kamu nasihati mereka, (jika mereka masih degil) pisahkan mereka di tempat tidur dan (jika perlu) pukullah mereka.*

Menurut al-Aṣfahānī (1997), kata *al-hajru* bererti berpisahanya seseorang daripada orang lain sama ada secara fizikal, percakapan atau hati (perasaan). Menurutnya lagi, eufemisme *wahjurūhunna* merupakan kiasan supaya tidak mendekati perempuan dan berbeza dengan kata *wahjurūhm* pada (Q.73: 10) yang mengandungi tiga keadaan, iaitu fizikal, lisan dan perasaan yang didorong supaya berusaha dengan melakukan kebaikan menerusi salah satu daripada keadaan tersebut. Berdasarkan sudut leksikal, kata *hajara* bermaksud menjauhi, meninggalkan dan memisahkan (Kamus Besar Arab Melayu Dewan, 2006). Secara kontekstual, eufemisme *wahjurūhunna* merupakan tindakan suami yang mengasingkan tempat tidur dengan isterinya yang nusyuz setelah diberikan nasihat. Hal ini dapat ditelusuri berdasarkan leksikal *fa'izūhunna* yang merangkum maksud menasihati supaya bertakwa kepada Allah SWT dan berhati-hati dalam percakapan (al-Baghawī, 1993). Menurut al-Khāzin (2004), al-Qurṭūbī (2003) dan al-Baghawī (1993) melalui nukilan Ibn ʿAbbās bahawa struktur *wahjurūhunna fī al-maḍajī* bermaksud membelakangi isteri di atas katil, tidak bercakap dan tidak mendatangnya.

Al-Ṭabarī (2000) dan Ibn Kathīr (2000) pula meriwayatkan daripada Ibn ʿAbbās mengenai makna *al-hijrān* iaitu (suami dan isterinya berada atas katil yang sama tanpa melakukan hubungan kelamin). Namun demikian, terdapat pandangan yang mentafsirkan suami mengasingkan tempat

tidur dengan katil yang lain sebagaimana dinyatakan oleh al-Khāzin (2004) dan al-Baghawī (1993). Walau bagaimanapun, perlakuan tidak mendatangi isteri disepakati oleh *mufasssir* walaupun terdapat khilaf mengenai pengasingan tempat tidur.

Aspek penghasilan terjemahan menunjukkan PE 2018 cenderung kepada pandangan mengasingkan isteri dengan berpindah ke katil yang lain berdasarkan penggunaan kata kerja imperatif “tinggalkanlah mereka di tempat tidur” dan disusuli dengan maklumat tambahan “(pisah ranjang)”, iaitu berpisah katil. Aspek definisi pula, perkataan “meninggalkan” bererti membiarkan, pergi dari dan menjauhkan diri dari (Kamus Dewan, 2010).

Kecenderungan pandangan memisahkan isteri pada katil yang sama dipraktikkan oleh TB 2019. Hal ini dapat diperhatikan berdasarkan terjemahan makna “pisahkan mereka di tempat tidur”. Menurut Nik Safiah et al. (2010), penggunaan kata sendi “di” di hadapan frasa nama [di + tempat tidur] menunjukkan tempat dan berlaku di tempat itu. Justeru, padanan [pisahkan mereka + di + tempat tidur] merangkum maksud perbuatan memisahkan isteri di katil yang sama. Penghasilan aspek makna dalam konteks ini menepati pandangan para pentafsir seperti al-Qurṭūbī (2003) dan al-Baghawī (1993).

Melalui penelitian, pengkaji mendapati frasa “pisahkan mereka” dikemukakan dengan tujuan menjadikan subjek, iaitu “mereka” sebagai penegasan. Hal ini dibolehkan dalam sistem tatabahasa bahasa Melayu (Nik Safiah et al., 2010). Namun demikian, kata “pisahkan” dan “pukullah” pada terjemahan makna yang dikemukakan oleh TB 2019 dilihat tidak memenuhi keselarian struktur. Hal ini kerana, kata hubung “dan” berfungsi menunjukkan perlakuan berturutan dengan kesinambungan dua item yang setara (Hasmidar Hassan, 2011). Oleh yang

demikian, binaan kata kerja imperatif “pisahkan” perlu digabungkan dengan partikel *-lah* sebagai fungsi kata kerja perintah (Mohd Fahimi, 2021) yang dipraktikkan untuk menunjukkan kelembutan dan penegasan ke atas predikat (Nik Safiah et al., 2010).

Tuntasnya, padanan “tinggalkanlah mereka” yang dikemukakan oleh PE 2018 mematuhi struktur kata kerja imperatif *wahjurūhunna* dan menepati pandangan *mufassir*. Namun demikian, pengkaji berpandangan penggunaan kata “pisahkanlah” lebih menunjukkan situasi tidak berdampingan kedudukan (Kamus Dewan, 2010) dan menzahirkan kelembutan berbanding kata “tinggalkanlah” yang terarah kepada maksud pergi/membiarkan isteri tanpa gantian rasa. Sebagai penambahbaikan, makna implisit yang terkandung daripada struktur eufemisme tersebut juga wajar diserlahkan agar lebih relevan dengan konteks seperti, “*pisahkanlah mereka (dengan tidak mencampurinya)*”.

(6) Terjemahan eufemisme ‘*in kuntum fā’ilīn*’ (dalam Q. 15: 71)

Penterjemahan dalam bahasa sasaran:

PE 2018: *Dia (Lut) berkata, “Mereka itulah puteri-puteri (negeri)ku (nikahlah dengan mereka), jika kamu hendak berbuat”.*

TB 2019: *Lut berkata, “di sini ada anak-anak perempuanku, jika kamu mahu melakukan (secara halal iaitu berkahwin)”.*

Menurut al-Aṣfahānī (1997), makna sebenar istilah *al-fī’l* menzahirkan kesan daripada sesuatu perbuatan atau tindakan secara umum untuk maksud yang baik atau sebaliknya. Manakala, kata *al-fā’il* bererti “yang melakukan (perbuatan)” (Kamus Besar Arab Melayu Dewan, 2006). Berdasarkan aspek konteks, eufemisme ‘*in*

kuntum fā’ilīn’ merupakan kata-kata Nabi Lut AS kepada kaumnya yang datang ke rumah baginda supaya tidak mengganggu tetamunya dan melarang perbuatan mendatangi lelaki serta mengarahkan supaya menikahi perempuan. Hal ini secara intratekstualiti dapat ditelusuri pada (Q. 11: 78).

Al-Ṭabarī (2000) menukilkan daripada Qatādah bahawa struktur ayat (Q.15: 71) merangkum maksud perintah Nabi Lut AS kepada kaumnya yang datang ke rumah baginda supaya mengahwini wanita dan baginda pada masa itu mahu melindungi tetamu dan anak-anak perempuannya. Al-Zamakhsharī (1995) mentafsirkan frasa *hā’ulā’i banātī* sebagai “mereka itulah anak-anak perempuanku” sebagai rujukan kepada perempuan; kerana setiap umat adalah anak-anak bagi Nabinya yang berstatus bapa (al-Baidhāwī, 2003) iaitu golongan lelaki merupakan anak lelakinya begitu juga dengan perempuan.

Al-Baghawī (1993) dan al-Khāzin (2004) mentafsirkan baginda akan mengahwini mereka dengan anak perempuannya sekiranya mereka menganuti agama Islam dengan mengerjakan yang halal dan meninggalkan yang haram. Al-Zamakhsharī (1995) pula menyatakan struktur eufemisme tersebut mengandungi makna konotatif berunsur keraguan seolah-olah baginda mengungkapkan kepada kaumnya: “Jika kamu melakukan apa yang diperintahkan dan apa yang aku fikir kamu akan lakukan”. Di samping itu, dikatakan juga: “Jika kamu ingin memenuhi syahwat kamu pada apa yang diharamkan Allah SWT” (ibid). Selain itu, eufemisme tersebut mengandungi maksud tawaran untuk mengahwini anak perempuan baginda dengan anggapan bahawa hal tersebut akan menghalang dan memadamkan nafsu kaumnya (Ibn ‘Āshūr, 1984).

Tuntasnya, eufemisme ‘*in kuntum fā’ilīn*’ mengandungi makna berunsur saranan daripada nabi Lut AS terhadap kaumnya

supaya mengahwini wanita sebagai cara yang diharamkan Allah SWT untuk memenuhi syahwat dan meninggalkan perbuatan mendatangi lelaki. Berdasarkan penelitian, terjemahan makna “jika kamu hendak berbuat” menepati bentuk permasalahan berkaitan corak sintaksis kerana padanan kata kerja “berbuat” merupakan kata kerja transitif yang memerlukan objek sama ada dalam bentuk kata nama atau frasa nama.

Aspek penghasilan terjemahan menunjukkan ketiga-tiga karya mengeksplisitkan terjemahan makna eufemisme tersebut menggunakan prosedur peluasan. Walaupun prosedur tersebut diterapkan, namun perbezaan dapat diperhatikan daripada sudut pemilihan perkataan. Terjemahan makna “(nikahlah dengan mereka), jika kamu hendak berbuat” oleh PE 2018 dilihat menzahirkan makna selaras dengan pandangan pentafsir. Namun, penggunaan kata kerja “berbuat” harus menerima pelengkap untuk membentuk maksud ayat yang sempurna. Hal ini kerana, kata kerja pasif berawalan ber-buat tersebut bersifat tak transitif jenis berpelengkap (Nik Safiah et al., 2010) dan perlu disesuaikan dengan keterangan untuk membentuk struktur ayat yang difahami dan tidak tergantung. Penyesuaian ini signifikan untuk mengelakkan salah tafsir daripada pembaca sasaran seperti, “(nikahlah dengan mereka), jika kamu hendak berbuat [homoseksual]?”

Tuntasnya, ketidaktepatan pentafsiran boleh berlaku memandangkan konteks linguistik ayat tersebut membicarakan mengenai perbuatan keji kaum Nabi Lut AS. Justeru, pengkaji mencadangkan terjemahan seperti, “(nikahlah dengan mereka), jika kamu hendak berbuat (secara halal)”.

Hal ini berbeza dengan terjemahan makna “jika kamu mahu melakukan (secara halal iaitu berkahwin)” oleh TB 2019 yang menyisipkan padanan “berkahwin” secara

definisi menggunakan kata penjelasan “iaitu” selepas padanan “jika kamu mahu melakukan”. Penyesuaian yang dilakukan ini menghasilkan impak terjemahan lebih dramatik dan gramatis selaras dengan kompetensi pragmatik pembaca sasaran.

(7) Terjemahan eufemisme ‘*an yatamāssā*’ (dalam Q. 58: 4)

Penterjemahan dalam bahasa sasaran:

PE 2018: *Maka barang siapa tidak dapat (memerdekakan hamba sahaya), maka (dia wajib) berpuasa dua bulan berturut-turut sebelum keduanya bercampur.*

TB 2019: *Kemudian sesiapa yang tidak dapat (memerdekakan hamba), maka hendaklah dia berpuasa dua bulan berturut-turut sebelum mereka (suami isteri) itu menggauli.*

Secara denotasi kata *massa* bermaksud menyentuh dengan tangan (Ibn Fāris, 1999). Al-Aṣfahānī (1997) menyatakan kata *al-massu* digunakan untuk perkara yang dapat dirasa oleh pancaindera dan berfungsi sebagai kiasan kepada perkahwinan. Secara kontekstual, surah al-Mujadilah bermula ayat 1-4 dimulakan dengan kisah seorang isteri bernama Khaulah binti Tha’labah yang mengadu kepada Nabi Muhammad SAW tentang tindakan suaminya yang telah melakukan zihar kepadanya. Rentetan daripada itu, suaminya perlu menjalani kifarah atas perbuatan tersebut, iaitu membebaskan seorang hamba (al-Baghawī, 1993; al-Khāzin, 2004). Sekiranya tiada kemampuan untuk membebaskan hamba, suaminya perlu berpuasa selama dua bulan berturut-turut tanpa putus (berbuka) kecuali terdapat keuzuran. Setelah itu, suaminya dibolehkan untuk mencampuri isterinya kembali (al-Ṭabarī, 2000; al-Baidhāwi, 2003; Ibn Kathīr, 2000). Sekiranya masih tidak mampu, suaminya hendaklah memberi makan sebanyak 60 orang miskin (ibid).

Berdasarkan aspek penghasilan terjemahan, eufemisme *'an yatamāssā* diterjemah kepada “bercampur” dan “menggauli”. Mengikut sudut morfologi, perkataan menggauli merupakan binaan kata terbitan daripada imbuhan apitan [meng + kata dasar (gaul) + i] (Nik Safiah et al., 2010). Istilah “menggauli/mempergauli” bermaksud mencampuri isteri (Kamus Dewan, 2010). Oleh yang demikian, padanan terjemahan yang dikemukakan oleh TB 2019 mematuhi laras bahasa sumber menerusi pemilihan perkataan yang menepati konteks linguistik dan pandangan mufassir.

Namun demikian, istilah “bercampur” menerusi imbuhan awalan [-ber + campur] merupakan bahasa percakapan (BP) yang digunakan untuk bukan pasangan suami isteri yang merujuk kepada bersama dalam hubungan (Kamus Dewan, 2010). Oleh itu, pepadanan istilah tersebut menyebabkan implikasi ketidakpatuhan terhadap konteks penggunaan istilah dalam bahasa sasaran. Justeru, sebagai penambahbaikan, padanan “bercampur” perlu dibuat penyesuaian imbuhan seperti “mencampuri” yang menjurus kepada makna mengadakan hubungan kelamin antara suami isteri (Kamus Dewan, 2010).

Kesimpulan

Kajian ini membincangkan permasalahan yang signifikan untuk ditangani dalam konteks penterjemahan eufemisme al-Qur'an ke bahasa Melayu. Berdasarkan analisis, permasalahan tercetus apabila beberapa aspek tidak dipenuhi, antaranya, maksud sebenar eufemisme al-Qur'an tidak dipindahkan dalam bahasa sasaran, pemilihan terminologi tidak selaras dengan peraturan berbahasa, diksi/fungsi leksikal kurang berkesan, tidak mematuhi hukum sintaksis dan ketidaksesuaian pendekatan terjemahan. Secara umumnya, pengkaji mendapati permasalahan ini dapat ditangani menerusi dua aspek, iaitu kesepadanan dan konsistensi.

Aspek kesepadanan memerlukan keprihatinan penterjemah untuk menghasilkan terjemahan yang menepati makna kontekstual menerusi diksi/leksikal yang sesuai dan menggunakan terminologi selaras dengan budaya masyarakat Melayu. Manakala, aspek konsistensi merupakan keselarasan penggunaan frasa/klausa, corak tatabahasa dan prosedur terjemahan.

Kajian menunjukkan karya terjemahan eufemisme al-Qur'an boleh dinilai secara kritis pada peringkat tekstual bertunjangkan aspek kualiti dan ketepatan. Namun demikian, rujukan kepada sumber pentafsiran al-Qur'an, penggunaan kamus bahasa dan tautan intratekstualiti serta kontekstual antara ayat perlu dijadikan sebagai asas pengukuran dan penilaian.

Kajian menyarankan supaya setiap penterjemahan yang dilakukan untuk memelihara makna bahasa sumber perlu menyisipkan informasi yang berfungsi bagi menjelaskan keseluruhan maksud sebenar eufemisme al-Qur'an. Hal ini kerana, terjemahan literal menghilangkan unsur figuratif dan berisiko mengelirukan kefahaman kecuali terdapat persamaan dari sudut linguistik dan budaya. Selain itu, aspek kecekapan pragmatik atau keupayaan pembaca sasaran memahami konteks linguistik harus diberi tumpuan oleh penterjemah bagi membina kefahaman yang sempurna.

Kajian mengesyorkan supaya pengkajian melibatkan terjemahan eufemisme al-Qur'an diperluaskan dan dibincang daripada aspek berbeza memandangkan topik ini belum diterokai secara rinci. Justeru, dapatan kajian diharap membuka ruang kepada para pengkaji bidang terjemahan, khususnya berkaitan terjemahan al-Qur'an ke bahasa Melayu.

Rujukan

Abdelaal, N. M., & Sabariah, M. R. (2015).

- Semantic Loss in the Holy Qur'an Translation with Special Reference to Surah al WāqīAAa. *SAGE Journal*, 5(4): 1-10.
<https://doi.org/10.1177/2158244015605880>
- Ahmed, M. S. (2013). *Taboo Words and Euphemism in English and Arabic: A Contrastive Study*. (Unpublished Doctoral Thesis), Savitribai Phule Pune University.
- Al-Aṣḥānī, a.-R. P. (1997). *Mufradāt Alfāz al-Qur'an*. Damsyik: Dār al-Qalam.
- Al-Baghawī, A. M.-H. (1993). *Ma'ālim al-Tanzīl*. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Albarakati, M. (2018). On the Euphemistic Style in Qur'anic Discourse: A New Model for Qur'anic Euphemism Formation. *Journal for Translation Studies Dragoman*, 7(8): 2295-1210.
- Albarakati, M. (2019). Translated Qur'an Euphemisms: Foreignized or Domesticated? *Asia Pacific Translation and Intercultural Studies*, (6)2: 1-15.
- Al-Baydhawi, Nasir al-Din Abi Said Abdullah ibn Umar ibn Muhammad al-Syirazi. (2003). *Tafsir al-Baidhawi al-Musamma Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*. Dar al-Kutub al- 'Ilmiyyah, Beirut, Lebanon.
- Al-Jawādī, A. (2008). Some Oligosemic Problems in Translating the Glorious Qur'an into English. *University of Sharjah Journal of Shari'a and Law Sciences*, 6(2): 1-23.
- Al-Jirjani, A. (1908). *Al-Muntakhab min Kinayat al-Udaba' wa Isharat al-Bulagha'*. Cairo: Al-Sa'adah.
- Al-Khāzin, A. ʿ-B. (2004). *Lubāb al-Ta'wīl Fi Ma'ānā al-Tanzīl* (Tafsīr al-Khāzin). Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Al-Omouh, A. (2011). *Euphemism in the Language of the Holy Koran*. (Unpublished Master's Thesis), Al-Albait University Jordan.
- Al-Qahtani, O. (2020). The Translation of Euphemisms for Genitals in the Qur'an. *RAIS Journal for Social Sciences. Research Association for Interdisciplinary Studies*, 4(2): 66-70.
- Al-Qahtani, O. (2020). Translation Techniques applied in the Translation of Euphemisms for Hardship in the Qur'an. *Advances in Language and Literary Studies*. Published by Australian International Academic Centre PTY. LTD, 11(6): 31-37.
- Al-Qurtubi, A.A. (2003). *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. ed. Salim Mustafa al-Badri. Beirut: Daral-Kutub al-Ilmiyah.
- Al-Suyūti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman. (2011). *Al-Durr al-Manthur fi al-Tafsir al-Ma'thur*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Ṭabarī, Abu Jaafar Muhammad ibn Jarir. (2000). *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wil Āyi Al-Qur'an Tafsir al-Ṭabarī*. Beirut: Muassasat al-Risalatt.
- Al-Zamakhsyārī, A. a.-Q. (1995). *al-Kassyāf 'An Haqā'iq Ghawāmid al-Tanzīl wa 'Uyūn al-Aqāwīl fi Wujūh al-Ta'wīl*. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Asmah, O. (2002). *Setia dan Santun Bahasa*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Asmah, O. (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Badrul Hisyam, M. Y. (2018). *Jurang Leksikal Dalam Penterjemahan Kata Kerja Al-Qur'an Pola Afala Ke Bahasa Melayu*. (Unpublished Doctoral Thesis), Universiti Putra Malaysia.
- Darwish, A. (2010). *Elements of Translation*. Melbourne: Writescope.
- El-Hadary, T. H. (2008). *Equivalence and Translatability of Qur'anic Discourse: A Comparative and Analytical Evaluation*. (Unpublished Doctoral Thesis), University of Leeds.
- Fadzil, N. A., & Abdul Sukur, A. S. (2020). Strategi Penterjemahan Kata Tabu dalam Teks Sastera. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(2): 70-84. <https://doi.org/10.37134/pendeta>.
- Fayrūzābādī, M. a.-D. (1997). *al-Qāmus al-Muḥīt*. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-ʿArabī.
- Hasmidar Hassan. (2011). *Kata hubung "dan" dan "tetapi" dari sudut pragmatik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haziyah, H. & Muhammad Hadi, M. A. L. (2020). *Perkembangan penterjemahan al Qur'an di Malaysia pada abad ke 21*. E-Prosiding THIQAH 2020 Persidangan Antarabangsa Isu-Isu Semasa al-Qur'an dan Hadis. (pp. 267-280). Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor & Universitas Ahmad Dahlan, Jogjakarta.
- Husamaddin, K. Z. (1985). *Al-Mahzūratt al-Lughawiyatt*. Al-Kāhiratt: Maktabatt al-Anjalu.
- Ibn ʿĀshūr, M. a.-T. (1984). *al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*. Tunisia: Dar Shuhnun.
- Ibn Fāris, A. a.-H. (1999). *Muʿjam Maqāyīs al-Lughah*. Beirut: Dār Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Kathīr, al-Imam al-Haafiz Imad al-Din Abu al-Fida' Ismail. (2000). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Tahqiq: Mustafa al-Syed Muhammad wa Muhammad al-Syed Rasyad wa Muhammad Fadhl al-'Ujmawi wa Ali Ahmad al-Baati. Al-Jiizah: Muasasah Qurtuba wa Maktabah Aulad al-Syeikh li al-Turath.
- Ismail Dahaman. (2016). *Canggihnya Bahasa Melayu; Sistem Pembentukan Ayat: Kalimat Bersusun Ayat Bersantun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Besar Arab-Melayu Dewan. (2006). Kuala Lumpur: DBP.
- Kamus Dewan, Edisi 4. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khadra, B., & Hadjer, O. (2017). *The Translatability of Euphemism from Arabic into English: Case Study the Holy Qur'an*. (Unpublished Master's Thesis), Kasdi Merbah University Ouargla.
- Liu Fengling. (2017). A Comparative Study of Nida and Newmark's Translation Theories. *International Journal of Liberal Arts and Social Science*, 5(8): 31-39.
- Melor Fauzita, M. Y., Nor Hafidah, I. & Nor Hasimah, I. (2017). Eufemisme dalam kalangan Mahasiswa dan Implikasinya kepada Kesantunan Berbahasa. *Journal of Human Development and Communication*, 6: 191-204.
- Mohamad Sobirin & Mohd Rosmizi, A. R. (2022). Cultural Barriers in Translating the Qur'an into Low-

- Context Culture: The Word of God in Javanese Banyumasan. *Global Journal Al-Thaqafah*, 12(1): 27-39.
- Mohammad Qasem, Al-H. & Asma Mohammad, S. (2013). The Translatability of Euphemism in the Holy. *European Scientific Journal*, 9(2): 190-214.
- Mohd Fahimi, Z. (2021). Kaedah Terjemahan Kata Kerja dalam al-Qur'an: Analisis surah al-Baqarah dalam Tafsir Nur al-Ihsan. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 7(1): 131-150.
- Muhammad Hadi, M. A. L. & Haziyah, H. (2022). Perspektif Pemain Industri Terhadap Prosedur Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dalam mengawalselia Penerbitan Terjemahan al-Qur'an. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 5(4): 085-94.
- Muhammad Luqman Ibnul Hakim, M.S., & Zulazhan, A.H. (2021). Ketidaktepatan Terjemahan Eufemisme dalam al-Qur'an ke Bahasa Melayu. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(3): 47-61.
- Muhammad Luqman Ibnul Hakim, M.S., Zulazhan, A.H., & Nurazan, M. R. (2022). Penterjemahan Eufemisme al-Qur'an Ke Bahasa Melayu: Analisis Pendekatan Semantik Newmark. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 5(19): 35-46.
<https://doi.org/10.35631/IJHPL.519004>
- Muhammad Zaid, D., Mohammad Shahrul Nizam A. W. & Remmy Gedat. (2018). Penggunaan Eufemisme dalam Kalangan Penutur Iban. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 8(1): 27-40.
- Muzakki, A. (2022). Sexual Euphemistic Expressions of The Holy Qur'an: A Sociolinguistic Approach. *Journal of Narrative and Language Studies*, 10(20): 270-280.
<https://doi.org/10.59045/nalans.2023.8>
- Nasimah, A., & Lubna, A. R. (2019). Eufemisme dalam Wacana Terjemahan Makna al-Qur'an ke Bahasa Melayu: Analisis Pragmatik. Al-irsyad: *Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(1), 39-56.
<https://doi.org/10.53840/alirsyad.v4i1.46>
- Newmark, P. (1981). *Approaches to Translation*. Oxford: Pergamon Press Ltd.
- Newmark, P. (1988). *A Textbook of Translation*. New York: Prentice Hall.
- Nik Safiah, K., Farid M. O., Hashim M. & Abdul Hamid, M. (2010). Tatabahasa Dewan (edisi ketiga). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Hatini, Z., & Siti Saniah, A. B. (2011). Unsur Eufemisme dalam Novel Papa dan Azfa Hanani. *Jurnal Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka*, 11(1): 83-108.
- Olimat, S. N. (2018). Developing a Model for Translating Euphemism in the Qur'an: An Intratextual and Contextual-based Approach. *Advances in Language and Literary Studies. Australian International Academic Centre PTY.LTD*, 9(6): 101-111.
- Olimat, S. N. (2019). Euphemism in the Qur'an: A Corpus based Linguistic Approach. *International Journal of Computational Linguistics (IJCL)*,

10(2): 16-32.

Raed, A. A. (2022). Translation of Euphemistic Intimate Expressions in the Holy Qur'an. *Journal of Education College for Women*, 30: 7-22.

Taghian, M. (2021). Translating Euphemisms of Sexual Taboos in the Qur'an: A Trans-Linguistic Approach. *British Journal of Translation, Linguistics and Literature (BJTLL)*, 1: 32-53.

Wardhaugh, R. (1986). *An Introduction to Sociolinguistics*. Oxford: Basil Blackwell.

Warren, B. (1992). What euphemisms tell us about the interpretation of words? *Studia Linguistica*, 46(2): 128–172. <https://doi.org/10.1111/j.1467-9582.1992.tb00833.x>